

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 4 November 2022	
1	Jualan telur terpaksa 'dicatu'
2	Krisis bekalan telur semakin serius Telur pecah jadi buruan tauke kek
3	Sempat selamatkan 13 ekor lembu
4	Supplies egg-stra slow in coming

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Jualan telur terpaksa 'dicatu'



Rosol melawat gerai jualan pada Program Advokasi Kepenggunaan Dan Jualan Keluarga Malaysia, di Kuala Berang, semalam. (Foto Nazdy Harun/BH)

Kementerian diharap segera atasi kekurangan bekalan di pasaran

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Penjualan telur ketika ini terpaksa dihadkan kepada pengguna berikutan kekurangan bekalan di dalam pasaran sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata pemantauan oleh KPDNHEP mendapati berlaku kekurangan telur dalam pasaran dan pihaknya sudah memaklumkan mengenai kekurangan itu kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"MAFI memaklumkan bahawa bekalan telur mencukupi, namun hakikatnya ia sukar diperoleh dan sebagai contoh kita dapat melihat hanya sepaan telur di jual kepada pengguna dalam karival yang berlangsung ini (semalam)."

"Ia bukan hanya pengguna yang terjejas, malah peniaga makanan amat terkesan berikutan kekurangan bekalan telur, selain sukar diperoleh," katanya ketika ditemui selepas Program Advokasi Kepenggunaan Dan Jualan Keluarga Malaysia, di Dewan Si-

vik Ajil, Kampung Bukit Perah, di sini, semalam.

Bellau berkata, KPDNHEP berharap MAFI dapat menyelesaikan dengan segera permasalahan membabitkan bekalan telur di pasaran yang sudah berlarutan beberapa bulan kebelakangan ini.

Telur tidak bersubsidi mahal

Katanya, satu tindakan drastik perlu dilakukan berikutan maklum balas kontra yang diperoleh iaitu MAFI memberitahu bekalan telur mencukupi, namun hasil tinjauan KPDNHEP mendapati bekalan telur berkurangan.

"Telur tidak bersubsidi mudah diperoleh di pasaran, namun harganya sedikit mahal berbanding telur biasa yang bersubsidi yang sukar diperoleh dan jualan terpaksa dicatukan," katanya.

Mengulas mengenai Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) beliau berkata, sejak diperkenalkan hingga minggu ketiga bulan lalu, jualan keseluruhan PJKM sebanyak RM60.22 juta membabitkan 639 sesi di seluruh negara.

"Melalui PJKM harga yang ditawarkan lebih rendah antara 20 hingga 30 peratus daripada harga pasaran biasa dan setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dilihat melaksanakan PJKM ini sebanyak dua kali sebulan," katanya. Justeru, beliau menggesa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi (PKJTI) harus lebih agresif dalam menangani permasalahan ini bagi meringankan beban pengguna khususnya.

Program Jualan Keluarga Malaysia hadkan satu papan bagi setiap pelanggan Krisis bekalan telur semakin serius

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU - Isu kekurangan telur ayam di pasaran masih gagal diatasi sehingga catuan terpaksa dilakukan peniaga di kawasan-kawasan terkeasan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, catuan telur ayam bukan sahaja berlaku di kedai runcit dan pasar raya malah program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM).

"Kita terpaksa menghadkan satu papan telur ayam bagi setiap pelanggan bagi program PJKM peringkat Hulu Terengganu selama tiga hari bermula hari ini (semalam)."

"Ia bagi memastikan telur ayam yang dijual pada harga 30 peratus lebih murah daripada

pasaran ini dapat dinikmati seramai mungkin pengguna," katanya selepas merasmikan program Advokasi Kepenggunaan dan PJKM di Dewan Sivik Ajil di sini semalam.


Rosol mengakui pemeriksaan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati bekalan telur ayam gred A, B dan C bersubsidi masih kurang di pasaran.

"Begitupun, saya akui bekalan telur premium yang lebih mahal masih stabil, namun kebanyakan pengguna termasuk golongan peniaga menggunakan telur gred A, B dan C bersubsidi bagi menjimatkan kos.

"Kekurangan bekalan telur ayam itu telah dimaklumkan kepada kementerian terlibat dan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi," katanya.



ORANG ramai hanya dibenarkan untuk membeli sepaan telur bagi memberi peluang semua pihak merasai harga diskaun ketika mengunjungi PJKM di Hulu Terengganu semalam.



TELUR pecah kini menjadi buruan pengusaha kek, kuih dan biskut kerana sukar untuk mendapatkan telur elok di pasaran. – GAMBAR HIASAN

Telur pecah jadi buruan tauke kek

GEORGE TOWN – Krisis bekalan telur ayam yang sedang melanda negara ketika ini membuatkan permintaan telur pecah melambung terutama dalam kalangan pengusaha kek, biskut dan kuih di negeri ini.

Pembekal telur yang ingin dikenali sebagai Faizal, 45, berkata, telur pecah kini menjadi buruan meskipun dia sudah menghentikan tempahan daripada pengusaha-pengusaha terbabit.

Katanya, kesukaran untuk memperoleh bekalan telur ayam bagi kesemua gred di peringkat ladang menjadi faktor utama dia

menghentikan pengedaran kepada para pengusaha kek di kawasan pulau negeri ini.

"Ramai pengusaha kek, biskut dan kuih kini mencari stok telur ayam pecah tetapi saya tidak dapat tunaikan permintaan mereka kerana kesemua telur ayam yang diperoleh kini berada dalam keadaan baik.

"Selalunya, bekalan telur ayam pecah berlaku di peringkat pembekal disebabkan bilangannya yang banyak serta kedudukan bekasnya yang rapat dan padat semasa diletakkan di atas lori," katanya kepada *Kosmo!* di

sini semalam.

Menurut Faizal, dia terpaksa mengutamakan peniaga pasar runcit di pasar awam, pasar mini dan pasar raya berikutan berdepan kekurangan masalah bekalan sehingga 70 peratus ketika ini.

"Dahulu, memang saya lebih utamakan pelanggan isi rumah di pasar awam tetapi sekarang ini, pengedaran terpaksa dibuat mengikut jumlah yang sama rata dan secara bergilir kepada semua pelanggan tetap supaya semua orang dapat bekalan telur," tambahnya.

Sempat menyelamatkan 13 ekor lembu

Raja Sahrin yang dibantu ahli keluarga sempat tambat haiwan ternakan mereka di sebuah jambatan

SEGAMAT

Tindakan pantas seorang penternak berjaya menyelamatkan 13 ekor lembu peliharaannya daripada ditenggelami banjir ketika air Sungai Muar melimpah dan naik dengan cepat di Kampung Seberang Batu Badak di sini, pada Rabu.

Menceritakan detik cemas itu, Raja Sahrin Tengku Ismail, 56, memberitahu, dia yang dibantu isteri dan lima anaknya terpaksa menambatkan ternakan tersebut di jambatan kampung

itu yang terletak kira-kira 500 meter dari rumahnya, sekitar jam 2 petang, Rabu.

"Tahun ini sudah dua kali rumah dinaiki air, sebelum ini pada Januari lepas. Kali ini, hujan tidak ada tetapi tiba-tiba air melimpah dengan cepat hingga paras paha, syukur sempat tambat lembu di jambatan.

"Ternakan ayam sekitar 20 hingga 30 ekor tidak sempat diselamatkan, tapi saya tidak bimbang sangat sebab ayam biasanya cukup masa akan pulang sendiri ke rumah, lembu susah sedikit sebab dibimbangi akan mati bila air tinggi," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini pada Khamis.

Tinjauan Bernama mendapati kawasan sekitar rumah yang didiami penternak itu sejak lebih 50 tahun itu, dinaiki air hingga paras paha, bagaimanapun jalan raya di hadapan rumahnya tidak dinaiki air.

Ujir Raja Sahrin, buat masa ini hanya dia yang tinggal di rumah itu kerana isteri serta lima



Limpahan air Sungai Muar mengakibatkan kediaman Raja Sahrin yang terletak di Kampung Seberang Batu Badak ditenggelami air.

anak, dua menantu dan seorang cucunya kini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Balai Raya Kampung Batu

Badak. Pada Rabu, limpahan air Sungai Muar menyebabkan beberapa rumah dinaiki air dan 36

mangsa dipindahkan ke dua PPS di Balai Raya Kampung Batu Badak serta Balai Raya Kampung Kuala Paya.

Kawasan yang terjejas di daerah itu adalah Kampung Seberang Batu Badak, Kampung Batu 5 dan Kampung Kuala Paya.

Sementara itu, suri rumah Dalila Rizqia Rosli, 29, terkejut melihat air sungai melimpah hingga ke kawasan laman rumahnya kira-kira jam 3 petang, Rabu.

"Syukur air tidak masuk ke dalam rumah, jika tidak saya tidak tahu nak gambarkan macam mana kerana saya ada tiga anak kecil termasuk seorang berusia empat bulan selain lima ekor kucing yang perlu diselamatkan.

"Saya trauma, cukuplah dengan pengalaman berdepan banjir pada Januari lepas apabila air naik hingga ke paras bumbung, penat yang dulu pun tidak hilang lagi. Semoga kejadian sama tidak berulang," ujarnya. - Bernama

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

SUPPLY of the country's cheapest and steadiest source of protein - chicken eggs - is falling to worrying levels and Penangites are feeling it too.

Premium, nutritionally-fortified eggs are still available but checks in supermarkets, wet markets and wholesaler shops in Penang reveal that regular chicken eggs are becoming scarce.

Shelves of eggs remain empty here even after the festive period, due to production shortfalls which have been ongoing for weeks with little sign of recovery anytime soon.

At Gama Supermarket and Departmental Store in Jalan Datuk Keramat, George Town, four shelves meant for eggs stood empty and customers had to resort to packed premium eggs, which are costlier.

Its manager Neoh Kean Bin said it had been about a month since the shortage started and suppliers could not commit to when supplies would resume.

"The shelves have been empty since Deepavali.

"Regular suppliers have not returned and we have been asking them for eggs," he said yesterday.

Nisha Kaleela, 47, whose family needs 60 eggs each month, expressed frustration over the shortage almost everywhere in Penang.

"We have run out of eggs at home for a week. Now we have to buy expensive eggs," she said.

An egg supplier at Jalan Dr Lim Chwee Leong in George Town who only wished to be known as Ah Seng, 60, said he used to have surplus eggs for walk-in customers but now, he could not even get enough for his regular customers.

"Every customer is complaining of shortages. I have to go out myself to bring back small amounts just to fulfil their demands.

"In the past, egg farmers would deliver enough stock to last for two days.

Supplies egg-stra slow in coming

Sellers want suppliers to deliver while farmers recoup losses causing shortage in chicken eggs



Nisha has to buy premium quality eggs that are costlier. The shelves at Gama in Penang are empty of regular chicken eggs that are sold cheaper at 30 eggs per tray.

"Now, I get only enough to last half a day, and sometimes the eggs are delivered only late at night. Farmers used to persuade me to take more per shipment. Now they refuse to even give me my usual requests.

"I understand that farmers are struggling to produce enough. So now we recommend customers to opt for kampung eggs," he said.

Long-time egg seller Teh Khai Seang in Cecil Street market, George Town, said he used to get 20,000 eggs daily from farms but now he gets only about 10,000 a day.

"I try to limit the number purchased by each customer, to ensure there is enough for everyone," he said.

A chicken farm owner in Valdor



Teh (right) selling eggs to a customer at Cecil Street market in Penang.

on mainland Penang, who only wished to be known as Heng, said the rising cost of production since two years ago had eventually crip-

pled some farmers. He blamed it on the weak ringgit, which directly caused the price of chicken feed to soar.

PENANG

Malaysia does not have enough raw agricultural produce to make chicken feed on a big scale.

"The price of chicken feed increased by about 50%. Day-old chicks that were RM2.50 are now RM3.50 each.

"The lack of incentives and ceiling price restrictions imposed by the government is making us produce eggs at a loss.

"It takes about five months for chickens to reach the egg-laying age. It costs 46sen to produce a Grade A egg.

"But the ex-farm ceiling price is capped at 37sen for each Grade A egg," he said, adding that he had cut production at his farm by 45% to reduce losses.

Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said CAP research officers visited several markets and detected the shortfall in supply as well.

"According to traders, some are getting only about 50% of their orders from farms.

"Eggs, being among the cheapest source of protein for the population, should be available and affordable.

"We see that it will worsen unless the government takes immediate steps, such as increasing subsidies to support farmers and minimising egg exports," he said.

On Oct 10, the government announced it would maintain the ceiling prices of Grades A, B and C eggs while increasing the subsidy from three to eight sen per egg.

The maximum retail price of Grade A chicken eggs is 45sen each, 43sen for Grade B and 41sen for Grade C in the peninsula while for Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan, the maximum prices of chicken and eggs vary, depending on the zones and logistic costs.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia has been calling for either higher government subsidies or the price of chicken eggs to be floated in a free market.